

SULIT

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM

TAHUN 2011

MATA PELAJARAN

EKONOMI ASAS KERTAS 2

DUA JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja


1. (a) Gambar 1 menunjukkan perbualan antara dua orang sahabat.




Gambar 1

Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Encik Halim. [6 markah]

- (b) Gambar 2 dan gambar 3 menunjukkan dua jenis barang.



Gambar 2



Gambar 3

- (i) Apakah jenis barang dalam gambar 2 dan gambar 3? [2 markah]
 (ii) Bandingkan ciri-ciri barang di 1(b)(i). [4 markah]

SULIT

- (c) Jadual di bawah berkaitan dengan ciri sistem ekonomi Negara Q dan Negara X.

Negara Q	Negara X
Sumber pengeluaran merupakan anugerah tuhan atau anugerah semula jadi.	Sumber pengeluaran dimiliki oleh pihak kerajaan.
Harga ditentukan melalui mekanisme pasaran.	Harga ditentukan oleh pihak kerajaan.

- (i) Apakah sistem ekonomi yang diamalkan di Negara Q dan Negara X? [2 markah]
- (ii) Huraikan dua ciri lain sistem ekonomi Negara Q. [4 markah]
- (iii) Bezakan sistem ekonomi Negara Q dan Negara X dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi. [7 markah]

2. (a) Encik Halim mempunyai isteri yang tidak bekerja dan tiga orang anak yang bersekolah. Berikut merupakan maklumat kewangan beliau bagi tahun 2010.

<u>Pendapatan dan perbelanjaan</u>	<u>RM</u>
Gaji	36 000
Faedah diterima	2 000
Caruman KWSP 11% daripada gaji	11%
Premium insurans nyawa	1 200
Buku dan majalah	300
Bayaran zakat	500
Ansuran kenderaan	900
<u>Pelepasan cukai yang dibenarkan</u>	<u>RM</u>
Diri sendiri	8 000
Isteri	3 000
Anak (seorang)	1 000
KWSP & insurans nyawa(maksimum)	6 000
Buku dan majalah(maksimum)	500
<u>Kadar cukai</u>	
RM 2 500 pertama	0%
RM 2 500 kedua	2%
RM 5 000 berikutnya	5%
RM 10 000 berikutnya	7%

Hitungkan

- (i) Jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Halim bagi tahun 2010. [5 markah]
- (ii) Jumlah pendapatan boleh guna Encik Halim bagi tahun 2010. [3 markah]

[Lihat sebelah

SULIT

4

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu persamaan dalam ekonomi

$$\text{Pendapatan} - \text{Potongan Wajib} = S + C$$

- (i) Apakah S dan C? [2 markah]
 (ii) Terangkan dua kepentingan S kepada individu [4 markah]


- (c) Berikut merupakan barang-barang yang terdapat di pasaran



Beras



Pakaian



Kereta Mewah



Rumah Banglo



Rumah Papan




Barang Kemas


- (i) Tentukan barang keperluan dan barang kehendak. [2 markah]
 (ii) Bagaimanakah anda menentukan sesuatu barang sebagai barang keperluan dan barang kehendak? [4 markah]

SULIT

(d) Gambar 4 dan gambar 5 menunjukkan pekerjaan mengikut sektor ekonomi.




Gambar 4



Gambar 5

- (i) Nyatakan sektor ekonomi bagi gambar 4 dan gambar 5. [2 markah]
- (ii) Jelaskan perbezaan kerjaya gambar 4 dan gambar 5. [3 markah]

3. (a) Rajah 1 menunjukkan peralihan keluk permintaan komputer peribadi.



Rajah 1

Terangkan tiga faktor yang menyebabkan peralihan keluk tersebut [6 markah]

[Lihat sebelah


- (i) Berapakah nilai keanjalan harga penawaran bagi kelapa sawit, televisyen dan majalah.
[3 markah]
- (ii) Tafsirkan pekali keanjalan harga penawaran bagi kelapa sawit, televisyen dan majalah.
[3 markah]

Jadual 1

Jenis barang	Peratus perubahan harga	Peratus Perubahan Kuantiti ditawarkan
Kelapa Sawit	20	2
Televisyen	5	10
Majalah	6	6

- (c) Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan harga dengan peratus perubahan kuantiti yang ditawarkan bagi kelapa sawit, televisyen dan majalah
- (i) Nyatakan maksud perubahan dari titik A ke titik B dan dari titik A ke titik C dalam rajah di atas.
[2 markah]
- (ii) Huraikan perubahan dari titik A ke titik B dan dari titik A ke titik C.
[5 markah]

Rajah 2



- (b) Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran kereta tempatan oleh Syarikat ABC.

SULIT

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.

Syarikat Zaen Berhad mengeluarkan motorsikal jenama Virmo. Encik Mustafa bekerja sebagai pengurus di syarikat tersebut dan menerima upah sebanyak RM5500.00 sebulan. Beliau membeli sebuah motorsikal keluaran syarikatnya dengan harga RM3000.00.

Lakarkan rajah aliran pusingan pendapatan tersebut.

[6 markah]

4. (a) Gambar 6 menunjukkan perbualan tiga sahabat tentang keadaan ekonomi semasa negara.



Gambar 6

Bagaimanakah kerajaan melalui belanjawan negara mengatasi masalah kestabilan ekonomi tersebut melalui:

- (i) Kadar cukai [4 markah]
 (ii) Perbelanjaan negara [3 markah]
- (b) Jelaskan dua persamaan dan dua perbezaan bank perdagangan dengan bank saudagar. [6 markah]

[Lihat sebelah

SULIT**8**

- (c) Jadual 2 menunjukkan dua sumber pinjaman kerajaan.

Sumber X	Sumber Y
Pinjaman Projek	Bil Perbendaharaan
Pinjaman Pasaran	Surat Jaminan Kerajaan
Kredit Pembekal	Sijil Pelaburan

Jadual 2

Terangkan tiga kelebihan pinjaman kerajaan dari **Sumber Y**. [6 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan sebuah syarikat yang beroperasi dalam sektor utama di Negara Z.

Berita tentang Syarikat Farm Rubber hendak melupuskan semua estet getahnya di Negara Z menjelang 2012 telah memeranjatkan pemerhati industri itu. Ada berpendapat syarikat yang tumbuh daripada hasil pokok getah itu cuba meninggalkan perniagaan tradisinya.


Mengapakah pemerhati dalam petikan di atas tidak setuju dengan langkah yang diambil oleh Syarikat Farm Rubber untuk meninggalkan sektor utama?

[6 markah]

SULIT

9

5. (a) Peta 1 menunjukkan dua urus niaga bagi Syarikat Veluci yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.



Peta 1

- (i) Tentukan jenis perdagangan bagi urus niaga P dan urus niaga Q. [2 markah]
- (ii) Bezakan kedua-dua jenis perdagangan tersebut. [4 markah]
- (iii) Terangkan tiga tujuan kerajaan mengenakan sekatan bagi urus niaga Q. [6 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara dua buah negara berbanding Ringgit Malaysia.

Negara	Kadar Pertukaran Asing
Jerman	€1 = RM4.30
Amerika Syarikat	USD1 = RM3.60

- (i) Jika harga seunit barang X di Jerman ialah €35 dan di Amerika Syarikat ialah USD28, hitungkan nilai yang perlu dibayar dalam sebutan Ringgit Malaysia bagi setiap negara itu. [4 markah]
- (ii) Tentukan negara terbaik bagi pengimport Malaysia untuk mengimport 1000 unit barang X. Berikan alasan anda. [4 markah]
- (iii) Jika nilai Ringgit Malaysia meningkat 3.21 peratus berbanding Dolar Amerika Syarikat. Jelaskan kesan perubahan tersebut terhadapimbangan dagangan Malaysia. [5 markah]

[Lihat sebelah]

SULIT**10****Bahagian B****[25 markah]***Soalan ini wajib dijawab*

6. Ali merupakan graduan daripada universiti luar negara pengkhususan dalam bidang pemasaran. Setelah tamat pengajian, beliau telah ditawarkan jawatan eksekutif pemasaran dari Syarikat Zaen Berhad. Sementara Kementerian Kewangan Malaysia telah menawarkan jawatan sebagai pegawai kewangan. Gaji yang ditawarkan oleh Syarikat Zaen Berhad lebih rendah berbanding tawaran gaji daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Ali telah mengambil keputusan menerima tawaran daripada Syarikat Zaen Berhad. Syarikat Zaen Berhad menjalankan perniagaan menjual pelbagai barangan elektrik. Barangan elektrik keluaran Syarikat Zaen Berhad dijual dalam negara dan luar negara.

Setelah bekerja Ali bercadang untuk membeli kereta tetapi simpanan sedia adanya tidak mencukupi. Jika mendapat pinjaman, Ali mempunyai dua pilihan sama ada membeli kereta buatan Malaysia atau kereta buatan luar negara. Sebagai rakyat Malaysia, Ali kemudiannya mengambil keputusan untuk membeli kereta buatan negara sebagai menyahut kempen kerajaan, belilah barangan buatan Malaysia.

Setelah beberapa tahun bekerja, Ali telah menunjukkan prestasi kerja yang baik dan jumlah pesanan dari Arab Saudi telah meningkat dengan tinggi. Sehubungan dengan itu, beliau telah dinaikkan pangkat dan ditawarkan untuk mengurus cawangan Syarikat Zaen Berhad di Riyadh, Arab Saudi. Ali menerima tawaran tersebut

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) Adakah anda bersetuju dengan keputusan Ali menerima jawatan eksekutif pemasaran daripada Syarikat Zaen Berhad?
Berikan alasan anda. [2 markah]
- (b) Jelaskan peranan Syarikat Zaen Berhad dalam ekonomi. [3 markah]
- (c) Bezakan keluaran oleh Syarikat Zaen Berhad dengan Kementerian Kewangan Malaysia dari segi jenis barang dalam ekonomi. [3 markah]
- (d) Nyatakan jenis institusi kewangan yang dapat memberi pinjaman untuk Ali. [1 markah]
- (e) Jelaskan tujuan kerajaan menjalankan kempen belilah barangan buatan Malaysia. [4 markah]
- (f) Terangkan eksport dan import yang terlibat dalam kes berserta contoh yang sesuai. [4 markah]
- (g) Bincangkan kebaikan yang diperoleh daripada aktiviti perniagaan Syarikat Zaen Berhad terhadap :
- (i) Negara [3 markah]
- (ii) Firma [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT